



---

## **Pembangunan Keahlian Kelab Rekreasi Dan Sukan Bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi Serta Kumpulan Pengurusan Dan Profesional**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

**KANDUNGAN****AKTIVITI SOSIAL****WP8.2 PEMBIAYAAN KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN  
BAGI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI SERTA  
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

<b>Para.</b>	<b>Peraturan</b>	<b>Muka Surat</b>
1. TUJUAN		3
2. LATAR BELAKANG		3
3. KELAYAKAN MEMOHON		3
4. KELAB SUKAN DAN REKREASI		4
5. PIHAK BERKUASA MELULUS		4
6. TARikh KUAT KUASA		4
7. BORANG (LAMPIRAN A)		5

## **AKTIVITI SOSIAL**

### **WP 8.2 PEMBIAYAAN KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI SERTA KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan peraturan dan syarat-syarat mengenai Pembiayaan Keahlian Kelab Rekreasi dan Sukan bagi pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Pembiayaan keahlian Kelab Rekreasi dan Sukan disediakan bagi meningkatkan interaksi di antara pegawai perkhidmatan awam dan badan bukan kerajaan bagi mencapai aspirasi dan usaha sama kolektif ke arah kejayaan negara.

#### **KELAYAKAN MEMOHON**

3. Kemudahan ini layak dituntut oleh pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional tertakluk kepada peraturan-peraturan berikut:

- 3.1 pegawai lantikan tetap yang telah disahkan dalam perkhidmatan;
- 3.2 bidang tugas pegawai melibatkan libat urus (*engagement*) dengan badan korporat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO);
- 3.3 kemudahan ini hanya diberi sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan;
- 3.4 kelulusan bayaran kemudahan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai;
- 3.5 had maksimum tuntutan adalah RM4,000 sahaja dan selebihnya ditanggung sendiri oleh pegawai. Tuntutan hendaklah disokong dengan resit;
- 3.6 tuntutan hanyalah untuk bayaran/yuran pendaftaran keahlian individu sahaja;
- 3.7 bayaran/yuran pendaftaran keahlian bukan berbentuk saham;
- 3.8 keahlian tidak boleh dipindah milik; dan

- 3.9 bagi pegawai yang akan bersara, pendaftaran keahlian hendaklah dibuat selewat-lewatnya 12 bulan sebelum tarikh tamat perkhidmatan. Tuntutan selepas tempoh yang ditetapkan tidak boleh dipertimbangkan.

### **KELAB SUKAN DAN REKREASI**

4. Kelab Rekreasi dan Sukan yang dibenarkan di bawah kemudahan ini hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- 4.1 kelab tersebut ditubuhkan secara sah di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta 125) atau Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) dan pindaan-pindaannya;
- 4.2 keahlian kelab terbuka kepada umum;
- 4.3 kelab menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan sukan seperti golf, tenis, kolam renang, gimnasium, perpustakaan, rumah rehat, bilik teater dan sebagainya; dan
- 4.4 kelab mempunyai premis untuk beroperasi.

### **PIHAK BERKUASA MELULUS**

5. Pihak Berkuasa Melulus bagi permohonan ini adalah seperti berikut:

5.1

Bil.	Kategori Permohonan	Pihak Berkuasa Melulus
i.	Pegawai Pengawal	Ketua Setiausaha Perbendaharaan
ii.	Kumpulan Pengurusan Tertinggi/ Ketua Jabatan	Pegawai Pengawal
iii.	Kumpulan Pengurusan dan Profesional	Pegawai Pengawal

- 5.2 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan hanya pegawai yang layak dan memenuhi syarat-syarat ditetapkan sahaja dipertimbangkan untuk kemudahan ini.

### **TARIKH KUAT KUASA**

6. Peraturan baharu ini terpakai bagi keahlian mulai **1 Januari 2020**.

### **BORANG**

7. Borang permohonan pembiayaan adalah di Lampiran A.

**LAMPIRAN A**

**BORANG PERMOHONAN PEMBIAYAAN  
KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN**

<b>A. MAKLUMAT PEMOHON</b>	
NAMA (HURUF BESAR) :	
NO. KAD PENGENALAN :	
TARIKH LAHIR :	
ALAMAT KEDIAMAN :	
TELEFON BIMBIT :	
<b>B. MAKLUMAT PERKHIDMATAN</b>	
JAWATAN :	GRED JAWATAN :
SKIM PERKHIDMATAN :	TARIKH LANTIKAN :
TARIKH DISAHKAN : DALAM PERKHIDMATAN	TARIKH : PERSARAAN
ALAMAT PEJABAT/ TELEFON & E-MEL	
<b>C. MAKLUMAT KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN</b>	
NAMA KELAB :	TARIKH KEAHLIAN :
NO.PENDAFTARAN KELAB :	NO.KEAHLIAN :
ALAMAT KELAB/ TELEFON & E-MEL	
KEMUDAHAN YANG : DISEDIAKAN OLEH KELAB	
BAYARAN/YURAN : MASUK	TARIKH RESIT : BAYARAN (RESIT ASAL DILAMPIRKAN)
JUMLAH TUNTUTAN : PEMBIAYAAN DIMOHON	
TUJUAN : MENGANGGOTAI KELAB	

**D. PENGAKUAN PEMOHON**

SAYA MENGAKU BAHAWA:

- i. SEMUA BUTIRAN YANG DINYATAKAN DI ATAS ADALAH BENAR; DAN
- ii. SAYA BELUM PERNAH MENUNTUT/ MENERIMA PEMBIAYAAN UNTUK BAYARAN/ YURAN PENDAFTARAN KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN DARIPADA KERAJAAN.

Tarikh .....

Tandatangan Pemohon

Nama:.....

Jawatan:.....

**E. PENGESAHAN PENYELIA/KETUA JABATAN**

Disahkan bahawa butir-butir yang diberikan oleh pegawai telah diteliti dan didapati benar.

- i. Pegawai ini mematuhi semua syarat kelayakan dan pembayaran yang ditetapkan di perenggan 3 dan 4, PP WP8.2 bagi tuntutan bayaran/yuran pendaftaran keahlian kelab rekreasi dan sukan dan permohonan ini adalah **disahkan\***.
- ii. Pegawai ini tidak mematuhi syarat kelayakan dan pembayaran yang ditetapkan di perenggan 3 dan 4, PP WP8.2 bagi tuntutan bayaran/yuran pendaftaran keahlian kelab rekreasi dan sukan dan permohonan ini adalah **tidak disahkan\***.

\* Tandakan (/) mana yang berkenaan.

Tarikh .....

Tandatangan Penyelia/Ketua Jabatan

Nama:.....

Jawatan:.....

### F. BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Disahkan bahawa butir-butir yang diberikan oleh pegawai telah diteliti dan didapati benar.

- i. Pegawai ini tidak pernah menerima bantuan bayaran/yuran pendaftaran keahlian kelab rekreasi dan sukan. Permohonan ini adalah **disokong\***.
- ii. Pegawai ini pernah menerima bantuan bayaran/yuran pendaftaran keahlian kelab rekreasi dan sukan. Permohonan ini adalah **tidak disokong\***.

\* Tandakan (✓) mana yang berkenaan.

Tarikh .....

Tandatangan Pegawai Bahagian  
Pengurusan Sumber Manusia

Nama:.....

Jawatan:.....

### G. KEPUTUSAN PIHAK BERKUASA MELULUS

- i. Pembiayaan sebanyak RM4,000 kepada pemohon untuk bayaran/yuran pendaftaran keahlian kelab rekreasi dan sukan berkenaan **diluluskan\***.
- ii. Pembiayaan bayaran/yuran pendaftaran keahlian kelab rekreasi dan sukan **tidak diluluskan\***.

\* Tandakan (✓) mana yang berkenaan.

Tarikh .....

Tandatangan Ketua Setiausaha Perbendaharaan/  
Pegawai Pengawal

Nama:.....

Jawatan:.....